

Hayati sejarah lampau

UM 25 AUG 2002

Oleh AZNAN BAKAR

PASIR GUDANG 24 Ogos - Generasi muda perlu menghayati dan mengambil iktibar daripada sejarah lampau termasuk kesilapan yang pernah dilakukan oleh para pemimpin Melayu jika mahu negara terus kekal merdeka, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika rakyat negara ini 'buta' sejarah mereka akan mengulangi kesilapan pemimpin-pemimpin lampau yang mengheret negara ke kancuh penjajahan oleh bangsa asing.

"Sejarah dipelajari bukan semata-mata untuk tahu tentang negara tetapi sebagai pengajaran kepada kita tentang apa yang telah dilakukan oleh kita dahulu dan sekarang.

"Jika tidak tahu sejarah, kita tahu dari mana kita datang dan tidak tahu ke mana kita akan pergi. Mungkin kita rasa mara ke depan tetapi sebaliknya mundur ke belakang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 6,000 pelajar dan pemimpin pelajar pada Perhimpunan Patriotik Pelajar Peringkat Kebangsaan di Stadium Pasir Gudang di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir,

kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemimpin terdahulu sehingga negara dijajah selama 450 tahun perlu dijadikan panduan bagi memacu negara ke arah yang lebih baik.

Lagi pula, katanya, sekali merdeka bukan selamanya akan terus merdeka.

"Jika tidak tahu sejarah kita akan anggap sekali merdeka akan terus merdeka, tetapi jika tahu sejarah, kita akan cuba elak kesilapan dahulu supaya terus merdeka," katanya.

Kesilapan

Antara kesilapan paling nyata dalam sejarah bangsa Melayu, kata Perdana Menteri, ialah tidak ada perpaduan yang mana ketika itu mereka hidup secara individu dan lebih suka dipecahkan mengikut negeri seperti Orang Kedah, Orang Kelantan, Orang Johor dan sebagainya.

Akibatnya, kata beliau, walaupun mereka sama-sama dari satu kaum Melayu tetapi tidak ada perpaduan sesama mereka sehingga memudahkan penjajah untuk campur tangan.

Tetapi, katanya, apabila orang Melayu bersatu melalui UMNO, segala usaha yang dilakukan oleh penjajah dapat ditentang sehingga membawa kepada kemerdekaan.

"Ini (kemerdekaan) kejayaan hasil perpaduan semata-mata. Tidak ada apa waktu itu. Tidak ada kejayaan seperti sekarang.

"(Waktu itu) tidak ada millionaire dan billionaire, tidak ada cerdik pandai kekuatan hanya datang daripada perpaduan.

"Perpaduan yang datang daripada orang yang lemah menjadikan orang lemah itu kuat. Sebab itu kita kena belajar dari sejarah bahawa perpaduan boleh beri kekuatan luar biasa kepada kita," jelasnya.

Bagaimanapun, katanya, pada masa sekarang untuk kekal merdeka ia bukan sahaja memerlukan perpaduan di kalangan Melayu tetapi semua kaum di negara ini.

"Semua kaum yang anggap mereka sebagai rakyat Malaysia kena bersatu padu pertahankan negara. Kita tidak berhasrat menghapuskan identiti mana-mana kaum seperti yang berlaku di luar negara.

"Negara-negara maju tidak pernah memberi kebebasan kepada kaum lain yang menetap di sana seperti yang diberi oleh Malaysia. Kita bersikap toleran, oleh itu hargailah toleransi ini.

"Rapatkan perpaduan di kalangan kita, rapatkan bangsa Malaysia ini yang akan bersama-sama mempertahankan negara," kata beliau.

— PM

Untuk itu, kata beliau, segala perbezaan antara kaum perlu diketepikan sebaliknya mengutamakan persamaan kerana bumi Malaysia tidak terhad untuk kaum tertentu sahaja.

“Ini bangsa kita, ini negara kita tidak siapa yang pertahankannya dan kita sahaja perlu berusaha untuk pertahankannya,” tegas Dr. Mahathir.

Oleh itu, katanya, perlu

ada perpaduan di kalangan kaum di samping penguasaan dalam pelbagai bidang ilmu bagi bersaing dengan bangsa dan negara lain.

“Jika semua bersikap

patriotik, bersatu-padu dan berusaha kuasai ilmu, negara akan kekal bebas dan merdeka serta berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan semua bangsa di dunia selama-lamanya.